



**PENGUMUMAN
KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2012**

Oleh :

*YBhg. Tuan Haji Hussain bin Awang
Pengarah Pelajaran Kelantan*

Pada :

21 Mac 2013

Masa:

10.00 pagi

Tempat :

*Bilik Gerakan
Jabatan Pelajaran Kelantan*



**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2012
PADA : 21 MAC 2013**

1. PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam
sejahtera dan salam 1 Malaysia.**

Yang Berusaha Timbalan Pengarah Pelajaran Kelantan, Ketua-ketua Sektor atau wakil, Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah atau wakil, Pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Kelantan, Wakil-wakil pihak media dan hadirin yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya sekali lagi pada tahun ini saya diberi kesempatan dalam majlis ini untuk mengumumkan Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2012. Peperiksaan SPM ini telah berlangsung pada 06 November hingga 05 Disember 2012.

Pada hari ini, 21 Mac 2013 pengumuman keputusan SPM tahun 2012 peringkat kebangsaan diumumkan di Putrajaya pada jam 9.00 pagi oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abd. Ghafar b. Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Semua calon SPM boleh mengambil slip keputusan peperiksaan di sekolah masing-masing selepas jam 10.00 pagi pada hari ini.

Keputusan peperiksaan calon-calon persendirian atau perseorangan akan dihantar melalui pos oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan. Semua calon juga boleh mendapat keputusan melalui sistem pesanan ringkas (SMS). Format penghantaran, taip SPM [no. Kad Pengenalan] [Angka Giliran] sms ke 15888.

Secara keseluruhannya, pencapaian peperiksaan SPM tahun 2012 menunjukkan *trend* yang hampir sama dengan prestasi pencapaian UPSR, PMR dan STPM sebelum ini. Prestasi peperiksaan SPM tahun ini menunjukkan peningkatan yang membanggakan dari segi peratus kelulusan am berbanding dengan pencapaian peringkat nasional, juga berbanding dengan tahun 2011 dan peningkatan bilangan serta peratus kecemerlangan murid berbanding dengan tahun 2011.

Sistem Penggredan Peperiksaan SPM adalah seperti jadual berikut:

a) Sistem Penggredan Mata Pelajaran

GRES SPM 2012		
Gred (Grades)	Interpretasi	(Interpretations)
A+	Cemerlang Tertinggi	(Super Distinction)
A	Cemerlang Tinggi	(High Distinction)
A-	Cemerlang	(Distinction)
B+	Kepujian Tertinggi	(Super Credit)
B	Kepujian Tinggi	(High Credit)
C+	Kepujian Atas	(Upper Credit)
C	Kepujian	(Credit)
D	Lulus Atas	(Upper Pass)
E	Lulus	(Pass)
G	Gagal	(Fail)

Jadual 1 : Sistem Penggredan SPM

b) Nilai Gred dan Nilai Gred Purata

- Nilai gred yang terbaik bermula dengan nilai 0 hingga nilai gred terendah dengan nilai 9 sebagaimana jadual 2 di bawah:

NILAI GRED SPM	
Gred	Nilai Gred
A+	0
A	1
A-	2
B+	3
B	4
C+	5
C	6
D	7
E	8
G	9

Jadual 2 : Nilai Gred SPM

Manakala bagi Nilai Gred Purata tertinggi bermula dengan 0.00 hingga nilai Nilai Gred Purata terendah ialah 9.00

c) Kategori Pencapaian Sekolah

Seiringan dengan matlamat NKRA, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengkategorikan prestasi sekolah merujuk kepada pencapaian Gred Purata Sekolah (GPS) dalam 4 kategori berikut:

Gred Purata Sekolah	Kategori
0.00 - 2.25	Cemerlang
2.26 - 4.50	Baik
4.51 - 6.75	Memuaskan
6.76 - 9.00	Berpotensi

Jadual 3 : Kategori Pencapaian Sekolah

2. MAKLUMAT PEPERIKSAAN SPM TAHUN 2012

2.1 Maklumat Calon SPM Tahun 2012

Seramai 36,194 calon telah mendaftar peperiksaan SPM pada tahun 2012. Manakala calon yang menduduki peperiksaan pula seramai 35,621 orang calon yang terdiri daripada 27,706 orang calon sekolah bantuan kerajaan, 4,774 calon sekolah agama kerajaan negeri (YIK), 878 orang calon MRSM dan 124 orang calon sekolah swasta dan 2139 calon persendirian.

2.2 Pusat Peperiksaan SPM Tahun 2012

Terdapat 289 Pusat Peperiksaan SPM pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, 220 pusat peperiksaan adalah terdiri daripada 148 buah sekolah bantuan kerajaan (termasuk SABK), 52 pusat peperiksaan di sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK), 6 pusat peperiksaan bagi calon MRSM dan 11 pusat bagi calon swasta dan persendirian.

3. ANALISIS KELULUSAN PEPERIKSAAN SPM TAHUN 2012

Analisis ini merujuk kepada prestasi sekolah kerajaan dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). KPI utama merujuk kepada Gred Purata Sekolah (GPS), Peratus calon layak mendapat sijil, peratus dan bilangan kecemerlangan calon, bilangan sekolah yang mencapai kelulusan 100 peratus, Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) dan peratus kelulusan berbanding dengan peringkat nasional. Dari sudut analisis, sekiranya peratus peningkatan melebihi 3

peratus, dianggap peningkatan prestasi yang ketara, begitu juga apabila berlaku peratus penurunan melebihi 3 peratus, dianggap penurunan prestasi yang ketara dan selain daripadanya dianggap prestasi yang stabil.

3.1 GRED PURATA NEGERI DAN KATEGORI GRED PURATA SEKOLAH

Gred Purata Negeri (GPN) pada tahun 2012 ialah **5.01** berbanding **4.97** pada tahun 2011. Ini menunjukkan **penurunan Gred Purata Negeri (GPN) sebanyak 0.04. Walau bagaimanapun pencapaian ini mengatasi Gred Purata Nasional sebanyak 0.03 (Gred Purata Nasional 5.04).**

Alhamdulillah sebanyak 53 buah sekolah menunjukkan Gred Purata Sekolah (GPS) mengatasi Gred Purata Negeri (GPN), 75 buah sekolah telah menunjukkan peningkatan Gred Purata Sekolah (GPS) dengan GPS Terbaik ialah 1.75.

Manakala merujuk kepada kategori pencapaian GPS mengikut matlamat NKRA, **Pencapaian kategori cemerlang pada tahun 2012 kekal kepada 4 buah sekolah dan pencapaian kategori baik pula menurun daripada 27 buah kepada 22 buah sekolah.** Maklumat lengkap seperti dalam jadual 4 di sebelah:

Kategori	Gred Purata Sekolah	2011 (Bilangan Sekolah)	2012 (Bilangan Sekolah)	Perbezaan (-/+)
Cemerlang	0.00 - 2.25	4	4	Kekal
Baik	2.26 - 4.50	27	22	-4
Memuaskan	4.51 - 6.75	113	118	+5
Berpotensi	6.76 - 9.00	1	4	+3

Jadual 4 : Pencapaian Gred Purata Sekolah

3.2 Peratus Calon Layak Mendapat Sijil (Merujuk Lulus Bahasa Melayu)

Peratus calon yang layak mendapat sijil peringkat negeri tahun 2012 ialah 93.40 peratus berbanding dengan pencapaian tahun 2011 iaitu 92.65 peratus. Peratus pencapaian ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.75 peratus.

Terdapat **80 buah** sekolah mengatasi peratus calon yang **layak mendapat sijil** peringkat negeri iaitu 93.40 peratus, dengan 21 buah sekolah **mencapai kelulusan 100 peratus** (termasuk 1 buah sekolah SABK) berbanding dengan tahun 2011 sebanyak 23 buah sekolah.

Sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Nama Sekolah	Daerah
1	SM Sains Machang	Machang
2	SMKA Naim Lilbanat	Kota Bharu
3	SM Sains Tg Muhammad Faris Petra	Kota Bharu
4	SM Sains Pasir Puteh	Pasir Puteh
5	SMKA Melor	Kota Bharu
6	SMK Kubang Bemban	Pasir Mas
7	SMK Dato' Ahmad Maher	Kota Bharu
8	SMKA Wataniah	Machang
9	SMK Zainab 1	Kota Bharu
10	SMKA Lati	Pasir Mas
11	SMK Ismail Petra	Kota Bharu
12	SMKA Tok Bachok	Bachok
13	SMK Dato' Perdana	Bachok
14	SMK Bachok	Bachok
15	SMKA Falahiah	Tumpat
16	SMA Tengku Amalin Aishah Putri	Kota Bharu
17	SMK Kamil	Pasir Puteh
18	SMK Sultan Yahya Petra 2	Kuala Krai
19	Maktab Sultan Ismail	Kota Bharu
20	SMK Padang Pak Amat	Pasir Puteh
21	SMU Al-Kauthar (SABK)	Kota Bharu

Jadual 5 : Sekolah Lulus 100 Peratus

3.3 Kecemerlangan Calon

3.3.1 Calon Cemerlang Semua Mata Pelajaran A+

Alhamdulillah, kita sama-sama bersyukur kerana seramai **15 orang** calon dari negeri Kelantan turut tersenarai sebagai calon cemerlang yang mendapat gred A+ bagi semua mata pelajaran yang diambil. Calon-calon cemerlang ini merupakan calon daripada Sekolah Kawalan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan, Sekolah Kawalan Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah harian biasa. Calon-calon tersebut adalah dari sekolah berikut :

Bil	Nama Sekolah	Daerah	Bil. Calon	Pencapaian
1	SMK Agama Naim Lilbanat	Kota Bharu	2	11(A+)
2	SM Sains Pasir Puteh	Pasir Puteh	1	10(A+)
3	SMK Kubang Bemban	Pasir Mas	1	10(A+)
4	SMK Dato' Ahmed Maher	Kota Bharu	9	9(A+)
5	SMK Ismail Petra	Kota Bharu	1	9(A+)
6	Maktab Sultan Ismail	Kota Bharu	1	9(A+)

Jadual 6 : Bilangan Calon Cemerlang (A+) Mengikut Sekolah

3.3.2 Calon Cemerlang Sekurang-kurangnya Semua A-

Keseluruhan calon cemerlang sekurang-kurangnya semua A- adalah seramai 432 orang calon (15 orang Cemerlang Tertinggi semua A+ dan 417 orang cemerlang sekurang-kurangnya semua A-) bagi semua mata pelajaran yang diambil. Jumlah ini mewakili 1.57 peratus keseluruhan calon sekolah kerajaan pada tahun 2012. Berbanding dengan tahun 2011 seramai 358 orang calon memperolehi kecemerlangan (18 orang calon mendapat A+ dan 340 orang cemerlang sekurang-kurangnya A-) yang mewakili 1.29 peratus bagi tahun tersebut. Keadaan ini menunjukkan **peningkatan sebanyak 0.28 peratus atau seramai 74 orang calon.**

Jadual 7 : Rumusan Analisis Pencapaian SPM 2012 Berbanding 2011

Perkara / Tahun		2011	2012	Perbezaan (-/+)
Gred Purata Negeri (GPN)		4.97	5.01	-0.04
Peratus Calon Layak Mendapat Sijil	%	92.65	93.40	+0.75
	Bil	25,742	25,887	+145
Bilangan Calon Cemerlang Sekurang-kurangnya Straight's A-	%	1.29	1.57	+0.28
	Bil	358	432	+74
Sekolah Lulus 100 Peratus		23	21	-2

4. ANALISIS KECEMERLANGAN MATA PELAJARAN

Sejumlah 89 mata pelajaran telah diambil oleh calon SPM Negeri Kelantan bagi tahun 2012, **55 mata pelajaran yang ditawarkan mencapai kelulusan 100 peratus.**

4.1 Peratus Kelulusan Mata Pelajaran

Terdapat 17 mata pelajaran yang menunjukkan peratus peningkatan kelulusan yang ketara berbanding dengan tahun 2011 iaitu:

Bil	Mata Pelajaran	2012 (%)	2011 (%)	Peningkatan (%)
1	Sains Pertanian	95.08	76.53	18.55
2	Perdagangan	90.78	73.20	17.58
3	Ekonomi Asas	91.40	75.63	15.77
4	Pendidikan Moral	87.96	76.29	11.67
5	Teknologi Kejuruteraan	98.08	88.98	9.10
6	Geografi	95.91	87.56	8.35
7	Pengetahuan Sains Sukan	99.44	91.10	8.34
8	Sains Tambahan	100	94.99	5.01
9	Science	94.94	90.67	4.27
10	Ekonomi Rumah Tangga	98.05	94.06	3.99
11	Kimia	97.48	94.04	3.44
12	Bahasa Melayu	93.48	90.07	3.41
13	Sejarah	84.60	81.33	3.27
14	Mathematics	84.54	82.34	2.20
15	Lukisan Kejuruteraan	94.17	92.44	1.73
16	Prinsip Perakaunan	95.19	94.06	1.13
17	English For Science and Technology	100	98.97	1.03

Jadual 8 : Perbandingan Peratus Kelulusan Mata Pelajaran 2011 – 2012

4.2 Gred Purata Mata Pelajaran

Terdapat 29 mata pelajaran yang menunjukkan peningkatan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) berbanding dengan tahun 2011 iaitu:

Bil	Mata Pelajaran	2011 GPMP	2012 GPMP	Peningkatan GPMP
1	Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut	4.40	1.88	2.52
2	Sains Pertanian	6.11	4.05	2.06
3	Pengetahuan Sains Sukan	5.52	3.84	1.68
4	Geografi	5.63	4.21	1.42
5	Pendidikan Moral	5.30	3.93	1.37
6	Menservis Automobil	3.77	2.42	1.35
7	Rekacipta	2.95	2.01	0.94
8	Ekonomi Rumah Tangga	5.50	4.69	0.81
9	Perdagangan	7.06	6.26	0.80
10	Ekonomi Asas	6.53	5.73	0.80
11	Pendidikan Quran dan Sunnah	2.97	2.22	0.75
12	Pendididikan Seni Visual	4.62	3.88	0.74
13	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	2.95	2.23	0.72
14	Teknologi Kejuruteraan	5.43	4.72	0.71
15	Science	5.44	4.77	0.67

Bil	Mata Pelajaran	2011 GPMP	2012 GPMP	Peningkatan GPMP
16	Mathematics	5.55	4.88	0.67
17	Rekaan dan Jahitan Pakaian	3.27	2.63	0.64
18	Lanskap dan Nurseri	3.54	2.98	0.56
19	Information and Communication Technology	4.25	3.72	0.53
20	Bahasa Melayu	4.78	4.30	0.48
21	Pendidikan Syariah Islamiah	3.26	2.92	0.34
22	Pembinaan Domestik	4.15	3.94	0.21
23	Biology	4.70	4.56	0.14
24	Bahasa Arab Tinggi	4.31	4.18	0.13
25	Prinsip Perakaunan	4.49	4.37	0.12
26	Sejarah	5.50	5.39	0.11
27	Matematik Tambahan	5.76	5.69	0.07
28	Pendawaian Domestik	3.15	3.21	0.06
29	Kimia	5.54	5.52	0.02

Jadual 9 : Perbandingan Gred Purata Mata Pelajaran Antara Tahun 2011 dengan Tahun 2012

4.3 Peratus Lulus Mata Pelajaran Mengatasi Peringkat Nasional

Terdapat 30 mata pelajaran peratus kelulusannya mengatasi peringkat nasional. Antaranya ialah:

Bil	Mata Pelajaran	Negeri (%)	Nasional (%)	Mengatasi (%)
1	Perdagangan	90.70	75.60	15.10
2	Sains Pertanian	95.00	82.90	12.10
3	Sains Sukan	99.40	87.80	11.60
4	Ekonomi Asas	91.40	80.00	11.40
5	Ekonomi Rumah Tangga	98.00	89.10	8.90
6	Geografi	95.90	87.80	8.10
7	Pendidikan Moral	87.90	82.30	5.60
8	Prinsip Perakaunan	95.10	89.70	5.40
9	Teknologi Kejuruteraan	98.00	93.00	5.00
10	Sejarah	84.60	80.30	4.30
11	Kesusasteraan Melayu	89.50	85.30	4.20
12	Mathematics	84.50	80.90	4.00
13	Bahasa Arab	96.50	92.50	4.00
14	Sains Tambahan	100	96.20	3.80
15	Science	94.90	91.60	3.30
16	Pengajian Kejuruteraan Awam	98.70	95.90	2.80
17	Bahasa Melayu	93.40	91.10	2.30
18	Lukisan Kejuruteraan	94.10	92.1	2.00
19	Pendidikan Seni Visual	99.80	97.90	1.90

Bil	Mata Pelajaran	Negeri (%)	Nasional (%)	Mengatasi (%)
20	English For Science and Technology	100	98.20	1.80
21	Chemistry	97.40	95.70	1.70
22	Additional Maths	82.70	81.30	1.40
23	Elektrik dan Elektronik	100	98.80	1.20
24	Rekacipta	100	99.10	0.90
25	Fizik	99.00	98.10	0.90
26	Kejuruteraan Mekanikal	97.80	97.00	0.80
27	Biology	99.70	99.00	0.70
28	Information and Communication Technology	98.90	98.50	0.40
29	Pendidikan Syariah Islamiah	96.40	96.20	0.20
30	Seni Reka Tanda	100.00	99.90	00.10

Jadual 10 : Perbandingan Peratus Kelulusan Mata Pelajaran Antara Negeri dengan Nasional

4.4 Peratus Lulus Semua Mata Pelajaran

Terdapat sebuah sekolah yang mencapai kelulusan 100 peratus bagi semua mata pelajaran dan 18 buah sekolah pula mencapai kelulusan 85 peratus ke atas. Manakala bakinya 129 buah sekolah berada di bawah 85 peratus.

5. PENUTUP

Keseluruhan prestasi pencapaian peperiksaan SPM tahun 2012 adalah membanggakan kerana hasil daripada kerja keras warga pendidik, para pelajar, ibu bapa dan semua pihak yang melihat bidang pendidikan merupakan aset untuk menjana modal insan cemerlang selaras dan selari dengan tuntutan dunia dan akhirat. Syabas dan tahniah diucapkan kepada calon-calon yang telah berusaha sehingga berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM tahun 2012 dan kepada yang kurang berjaya, jangan putus asa, terus berusaha sehingga berjaya.

Mulai tahun lepas dan tahun-tahun seterusnya pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah memasukkan elemen *Higher Order Thinking Skills (HOTS)* atau Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) semasa membina soalan-soalan peperiksaan awam. Ianya bertujuan untuk memupuk kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah. Sehubungan itu, saya menyeru guru-guru supaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan pelbagai daya kreativiti dan inovatif supaya pelajar dapat menguasai ilmu dan kemahiran serta boleh diterjemahkan dalam pelbagai situasi.

Ucapan penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada semua pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan, Pegawai di Pejabat Pelajaran Daerah, warga pendidik, ibu bapa, PIBG, dan pemimpin masyarakat yang terus menerus menyumbang tenaga dan buah fikiran ke arah merealisasikan Transformasi Pendidikan Negara. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua guru yang menjadi petugas peperiksaan SPM 2012. Penghargaan juga ditujukan khas kepada semua agensi kerajaan, swasta dan pihak media cetak dan media elektronik di atas segala sokongan dan komitmen bersama ke arah memperkasakan mutu pencapaian pendidikan di negeri Kelantan.

HAJI HUSSAIN BIN AWANG

Pengarah Pelajaran Kelantan
Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan

21 Mac 2013

